

2.5 juta tan tambahan minyak sawit untuk pasaran India, China

BH - 15/11/2019 mlr: 25

MoU buka ruang penyertaan lebih besar dalam perdagangan global komoditi Malaysia



Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Minyak sawit Malaysia terus dapat permintaan tinggi daripada India dan China, di sebalik ketidaktentuan ekonomi dan pasaran global, susulan termeterainya dua memorandum persefahaman (MoU) berkaitan pembekalan komoditi utama itu.

Pemeteraian MoU yang disaksikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu adalah di antara Bohai Commodity Exchange (BOCE) Malaysia/ASEAN dengan Hakan Agro DMCC dari India serta BOCE Global dari China.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok, berkata MoU berkenaan berkaitan penembusan permintaan tambahan pasaran sejumlah 2.5 juta tan minyak kelapa sawit dari Malaysia ke India dan China.

Katanya, menerusi MoU berkenaan, syarikat Hakan Agro DMCC sebuah syarikat yang menguruskan rantaian bekalan utama komoditi di Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang mempunyai rangkaian perni-

agaan luas di India bakal memberi komitmen untuk membeli lebih sejuta tan minyak kelapa sawit untuk pasaran India.

"BOCE Global dari China pula sudah memohon kuota sejumlah 1.5 juta tan minyak kelapa sawit bagi pasaran China untuk tahun depan.

"Menerusi MoU ini, kita bakal mendapatkan penyertaan lebih besar dalam perdagangan global minyak sawit Malaysia.

"Pemeteraian ini adalah tanda bahawa Kementerian Industri Utama dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sedang memajukan kepelbagaian minyak sawit Malaysia secara agresif ke dalam pasaran baharu," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis berkenaan.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah. Pada majlis berkenaan BOCE Malaysia/ASEAN diwakili Pengerusinya, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan manakala Hakan Agro DMCC diwakili Pengarah Urusannya, Sudhakar Tomar dan BOCE Global diwakili Pengerusinya, Yan Dong Sheng.

Kok berkata, di samping terkanan oleh Kesatuan Eropah (EU) terhadap minyak sawit Malaysia dan perselisihan mengenai pembelian minyak sawit dari Malaysia ke India, perkembangan pemeteraian MoU ini amat dialu-alukan.

"Selain India dan China, saya yakin Malaysia akan mencari pasaran baharu dan alternatif bagi minyak sawit dengan pertumbuhan yang disasarkan di negara ASEAN, Afrika dan Asia Barat. Disokong oleh kenaikan harga minyak sawit baru-baru ini, industri bersedia membuktikan bahawa pelbagai isu ini tidak mengganggu.

"Prestasi pasaran kami di India bagi Disember tahun ini juga dijangka meningkat sekurang-kurangnya 80 peratus berbanding berbanding tahun lalu berdasarkan statistik import India," katanya.

Dalam pada itu, Khairuddin berkata, BOCE Malaysia/ASEAN berazam untuk berfungsi secara proaktif bagi memasarkan atau memudahkan proses mengeksport produk Malaysia, termasuk komoditi ke China secara terus.


"Pada minggu ini, platform perdagangan BOCE Malaysia/ASEAN mencapai rekod pertama perdagangan berjumlah RM4 bilion melalui kontrak bekalan daging ayam halal selama lima tahun," katanya.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanim Abdul Rashid, berkata pertambahan permintaan bekalan dari India dan China itu seharusnya memberi sokongan tambahan kepada kenaikan harga minyak sawit baru-baru ini.

Katanya, harga minyak sawit mentah dilihat melonjak tinggi ke paras RM2,586 satu tan berikutan penurunan stok minyak sawit mentah ke paras 2.35 juta tan pada Oktober lalu berbanding 2.44 juta tan bulan sebelumnya.

Katanya, data terkini menunjukkan eksport minyak sawit mentah ke China dan India adalah 1.89 juta tan dan 4.13 juta tan bagi 10 bulan pertama 2019.

"Angka itu mewakili 12.1 peratus dan 26.3 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit mentah," katanya.



Dr Mahathir, Kok dan Saifuddin (tiga dari kanan) bersama Khairuddin (dua dari kanan), Dong Sheng (kiri) dan Sudhakar selepas majlis pemeteraian dua MoU berkaitan pembekalan minyak sawit, di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)